



**KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Web : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.2(7)
Tarikh : 8 Februari 2024
Bersamaan : 27 Rejab 1445H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN KERJA BIL. 7/2024 (K) : PELUPUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia merupakan salah satu agensi yang bertanggungjawab memberi kebenaran pelupusan dokumen kewangan dan perakaunan (Kumpulan 1). Berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan (AP) yang berkuatkuasa pada 24 Februari 2023, terdapat pindaan pada AP 150 dan Lampiran M berkaitan. Oleh itu, bagi tujuan permohonan pelupusan dokumen kewangan dan perakaunan ke jabatan ini, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan perlu mematuhi juga Surat Pemakluman Pemakaian Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia dengan rujukan: Arkib.100-1/7/2 Jld.4(41) bertarikh 29 Mac 2023.

3. Berdasarkan Program Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan yang telah dilaksanakan ke atas PTJ pada tahun 2023 mendapati sebahagian besar PTJ masih belum mengambil tindakan ke atas dokumen yang telah mencapai tempoh minimum penyimpanan. Ini sekaligus menyebabkan pihak PTJ tidak mematuhi AP 150 yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

4. Sehubungan itu, semua PTJ diingatkan supaya mengambil tindakan segera untuk menyemak dan mengambil tindakan ke atas dokumen yang telah mencapai tempoh minimum penyimpanan dengan mematuhi AP 150 (pindaan 2023) yang berkuatkuasa agar pengurusan dan permohonan pelupusan dapat berjalan dengan lancar.

5. Selain itu, berdasarkan semakan ke atas permohonan pelupusan yang diterima pada tahun 2023 sehingga kini, terdapat banyak kesilapan yang dibuat oleh pihak PTJ. Oleh itu, bagi mengelakkan kesilapan sama berulang, jabatan ini mengemukakan Panduan Pengisian Borang Kewangan – Arkib 4/08 seperti di lampiran.

6. Pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan diingatkan supaya memastikan **hanya dokumen Kumpulan 1 sahaja dikemukakan kepada jabatan ini** sepertimana Jadual 1 dan Carta Aliran Pelupusan Rekod Kewangan Dan Perakaunan di PTJ bagi permohonan pelupusan dokumen Kumpulan 1 dan Kumpulan 2.

Jadual 1

Kumpulan Dokumen*	Jabatan Audit Negara	Jabatan Akauntan Negara	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Arkib Negara Malaysia
Kumpulan 1	√	√	Jika berkenaan	√
Kumpulan 2	√	X		√

* Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan 2008 sehingga Jadual baru dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia

7. Bersama-sama ini disertakan dokumen untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan seperti berikut :

- i. Surat Pemakluman Pemakaian Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) oleh Arkib Negara Malaysia bertarikh 29 Mac 2023
- ii. Carta Aliran Pelupusan Rekod Kewangan Dan Perakaunan di PTJ Kumpulan 1 dan 2
- iii. Lampiran M - Arahan Perbendaharaan 150 (Pindaan 2023)
- iv. Panduan Pengisian Borang Kewangan – Arkib 4/08
- v. Contoh Borang Kewangan – Arkib 4/08

8. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA(UK), C.A.(M))

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka